



Headline: Tindakan tegas, kesedaran rakyat tumpas Language: Malay
'scammer'

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 27 March 2022

Section: Komentari
Page: 11

Tindakan tegas, kesedaran rakyat tumpas 'scammer'



Presiden Persatuan
Pemeriksa Fraud
Bertauliah -
Malaysia Chapter

Oleh Datuk Seri Akhbar Satar
bhrencana@bh.com.my

Hasrat seorang wanita warga emas untuk dijaga hingga akhir hayat oleh seorang lelaki warga Korea bukan sahaja tidak kesampaian, malah dia mengalami kerugian RM3.9 juta, dipercayai akibat ditipu dengan ayat manis oleh sindiket Love Scam.

Seorang guru dan ahli perniagaan muda pula masing-masing kerugian lebih RM500,000 serta RM140,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam.

Ini antara kes berlaku di negara ini, bahkan setiap tahun ribuan mangsa hilang setiap sen dan tinggal sehelai sepinggang, termasuk golongan profesional.

Justeru, memang wajar Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman bekerjasama dengan Bank Negara dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan lebih pantas menangani jenayah penipuan dalam talian.

Usaha ini sewajarnya sudah lama dilakukan bagi menghalang sindiket scam berleluasa sejak beberapa tahun kebelakangan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus bekerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) untuk menumpaskan jenayah Macau Scam dengan rantaian sindiket di luar negara. Melalui kerjasama antara ketiga-tiga agensi, termasuk INTERPOL, mereka dapat berkongsi maklumat termasuk modus operandi atau bentuk penipuan serta teknik digunakan sindiket.

Apa yang penting, mengesan *money trail* kerana proses wang dikeluarkan daripada akaun mangsa ke akaun lain berlaku begitu cekap dan pantas. Kerjasama syarikat telekomunikasi dan bank juga sangat penting.

Sindiket scam menyebabkan negara kehilangan 18 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sekitar RM300 bilion. Kecanggihan teknologi, kemajuan capaian internet dan penukaran modus operandi kepada mata wang digital menyebabkan sindiket berasa lebih selamat kerana sukar dikesan.

Agensi penguat kuasa perlu mengambil beberapa langkah ke hadapan dan kerjasama antara mereka bagi menghadapi sindiket licik ini. Mereka juga perlu ada *ethical hackers* bagi membendung dan menangani sindiket scam tidak berkesudahan.

Desas-desus menyatakan ada segelintir pegawai agensi penguat kuasa terbabit sebagai tali barut, diharap tidak benar. Apa-apa pun untuk mengelakkan insiden tidak berintegriti, lebih baik pengawasan rapi dilakukan kepada pegawai di 'tempat berisiko tinggi.' Biasanya 'godaan' di tempat seperti ini sukar dipertahankan.

Pengarah JSJK, Datuk Mohd Kamaruddin Md Din, berkata dalam tempoh dua bulan ini, pihaknya menerima 557 kes penipuan Macau Scam, manakala tahun lalu 1,585 kes.

Pada 2019 sahaja, nilai scam sebanyak RM6.2 bilion, sudah tentu bagi 2021 dan 2022 ia meningkat lebih banyak.

Anehnya, bagaimana sindiket memperoleh maklumat peribadi orang ramai? Memang ada segelintir cuai memberi maklumat peribadi kepada sindiket, tetapi ada juga rungutan sindiket mendapatkan nombor telefon mangsa, terutama daripada sumber syarikat telekomunikasi.

Jika ini berlaku, tentu ia membabitkan pegawai dan kakitangan tidak berintegriti serta maklumat itu mungkin dijual kepada pihak tertentu. Ini disebabkan persubahan antara *scammer* dengan orang dalam.

Pada tahun lalu, 51 warga negara China dihadapkan ke mahkamah di Ayer Keroh dengan tuduhan menjadikan rumah sebagai pusat judi terbuka dan melakukan kegiatan penipuan dalam talian.

Daripada jumlah itu, 22 tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan menguruskan komputer riba dan telefon bimbit serta menjadikan rumah sebagai pusat perjudian, tetapi bukan kesalahan jenayah scam membawa hukuman lebih berat. Malangnya hukuman dijatuhkan sangat ringan, iaitu penjara sebulan dan denda RM20,000 terhadap setiap tertuduh didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Apakah risiko terbabit dalam scam lebih rendah jika dibandingkan apabila ditangkap? Selepas keluar penjara sebulan, mereka boleh terus bermaharajalela dengan wang lumayan dikumpul jutaan ringgit.

Sindiket tidak serik itu, akan beroperasi semula. Soalnya, di mana dan apa terjadi kepada ketua sindiket scam berkenaan?

Polis Johor mengesan tiga perencana dipercayai mendalangi penipuan Macau Scam dan menggunakan wang hasil penipuan untuk membeli 100 unit kondominium mewah serta unit komersial bernilai RM336 juta di Georgetown, selain disalurkan untuk jual beli mata wang kripto.

Kegiatan ini antara tiga peringkat proses pengubahan wang haram melalui penempatan, pelapisan dan integrasi. Pada peringkat integrasi, wang haram selepas dicuci bersih diserap ke sistem kewangan serta ekonomi sah bagi melakukan pembelian aset mahal.

Melainkan dan sehingga orang menerima panggilan sedemikian daripada sindiket penipuan masih mudah menjadi mangsa, penipuan akan berterusan. Cara paling berkesan menghentikan penipuan, penerima panggilan tidak melayan panggilan berkenaan dan terus menyekat nombor terbabit.

Orang ramai juga boleh menggunakan aplikasi mudah alih seperti Trucaller dan Nomorombo untuk mengenal pasti siapa serta menyekat nombor scam. Bagi yang gemar membeli barangan dalam talian, buat semakan SCAM.MY dan Tipu.my sama ada akaun bank penjual pernah dilaporkan terbabit dalam penipuan atau sebaliknya.

Selagi tiada kesedaran masyarakat terhadap sindiket scam dan penguatkuasaan tegas dilaksanakan, selagi itulah *scammer* akan terus bermaharajalela.